

# Amukkan Awang Hitam

Metro 17/2/12  
MS 49.

## Pengawal keselamatan cedera dibelasah tujuh warga Nigeria

>>Oleh Siti Nor  
Hidayatidayu Razali  
idayu@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Nasib malang menimpa seorang pengawal keselamatan apabila dibelasah tujuh lelaki warga Nigeria hingga cedera hanya kerana mengunci tayar kereta jenis Proton Persona milik mereka dalam kejadian di Taman Connaught, di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang itu, mangsa yang berusia 25 tahun itu mengalami kecederaan di badan dan muka.

Menceritakan kejadian itu, mangsa, Suffian Ahmad berkata, ketika itu, dia sedang menjaga kawasan berhampiran sebuah pasar raya apabila datang tujuh lelaki Nigeria yang tiba-tiba memarahinya.

Katanya, mereka tidak berpuas hati kerana tayar kereta mereka dikunci sedangkan tindakan itu dibuat kerana kereta mereka diletakkan di tepi jalan hingga menghalang lalu lintas.

"Saya menenangkan mereka dan memberitahu kesalahan meletak kenderaan di tepi jalan kerana boleh menyusahkan pengguna lain selain menyebabkan kesesakan.

"Saya berbincang dengan me-

## Fakta

Mangsa dibelasah hanya kerana menjalankan tugas dengan mengunci tayar kereta suspek

reka supaya pergi ke pejabat berdekatan untuk meminta pengawal bertanggungjawab membuka semula kunci selepas membayar denda," katanya di sini, semalam.

Katanya, mendengar hal itu, mereka tidak berpuas hati lalu memarahinya dengan kata-kata kurang sopan hingga membuatkan dia naik marah dan cuba mempertahankan diri.

Menurutnya, mereka terus bertindak ganas apabila memegang kolar bajunya sebelum membelasahnya hingga terjatuh.

"Saya menjerit minta bantuan kerana tidak berdaya melawan dan bernasib baik selepas ditenangkan rakan setugas sebelum membawa mereka ke pejabat.

"Selepas perbincangan mereka membayar denda sebanyak RM100 dan pengunci tayar dibuka," katanya.